

→ **BISNES**

# Lonjakan kemasukan pelaburan asing bukti negara di landasan tepat



**Md Riyadh Dahalan**

**Ketua** Khidmat Pelabur, InvestKL

Sejak beberapa bulan ini, kita sering kali membaca pelbagai ulasan dan pandangan mengenai situasi ekonomi negara dan kebanyakannya menjurus kepada dua sudut pendapat yang berbeza, bergantung kepada siapa yang mengutarakan pandangan terbabit.

Maklum sajalah, dekat pilihan raya jadi soal negara mufliis, hilang daya kompetitif dan pelbagai suara negatif lain timbul. Namun dilihat daripada fakta, Malaysia terbukti mencatat prestasi ekonomi yang baik sejak beberapa tahun lalu dan kekal berdaya tahan walaupun berdepan persekitaran ekonomi global mencabar.

## Kita di landasan tepat menjadi negara maju 2020

Hakikat perlu diterima, Malaysia mencatatkan pertumbuhan tinggi pada suku pertama 2017. Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) sendiri dalam kenyataan sebelum menerusi laporan perundingan tahunan mengenai Malaysia yang dimuktamadkan pada 15 Mac lalu menunjukkan biarpun berhadapan impak persekitaran seperti kelemahan harga komoditi

dan kewangan global, ekonomi Malaysia kekal berdaya tahan.

Ia berikutan kepelbagaian asas pengeluaran dan eksport, kedudukan mata wang yang kukuh dasar ekonomi makro yang responsif serta pasaran kewangan yang aktif.

Kerajaan menetapkan sasaran untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju berpendapatan tinggi menjelang 2020.

Namun, perancangan kita tidak berhenti setakat itu. Dengan perubahan landskap dunia dan teknologi yang cepat berubah, kerajaan sudah pun merangka sasaran seterusnya, iaitu melalui Transformasi Nasional 2050 (TN50).

## Malaysia masih destinasi pilihan pelabur asing

Pelaburan langsung asing pada separuh pertama 2017 mencatatkan rekod tertinggi sejak 2010. Kita memperoleh pelaburan sebanyak RM144 bilion dari China, RM40 bilion (Saudi Aramco) dan banyak lagi bukti kepada keyakinan terhadap daya saing pertumbuhan Malaysia.

Justeru, dari sudut indikasi dan faktor ekonomi lain, Malaysia berada di landasan tepat bagi

merealisasikan matlamat menjadi sebuah negara maju menjelang 2020. Kenyataan itu disokong dengan peningkatan jumlah dagangan sebanyak RM1.5 trilion pada tahun 2016 berbanding RM770 bilion pada 2010.

Jika diukur taraf penjagaan kesihatan penduduk pula, Malaysia diletakkan sebagai negara terbaik dunia berdasarkan laporan International Living pada Februari 2017.

Dari segi infrastruktur, Malaysia pelbagai pembangunan pesat diaktifkan. Lihat sahaja pada aliran MRT Sg Buloh Kajang yang baru dibuka, Projek MRT laluan 2, LRT laluan 3 dan Projek Landasan Kereta Api Pantai Timur (ECRL) yang bakal mengubah landskap pengangkutan di Pantai Timur, seperti Lebuhraya Pan Borneo di Sabah dan Sarawak.

Dari segi pertumbuhan pusat perdagangan baru, kita pasti teruja dengan pelaburan berbilion-bilion ringgit yang bakal dibuat oleh syarikat terkemuka Ali Baba di kawasan Digital Free Trade Zone di persekitaran KLIA. Juga pusat kewangan antarabangsa baru di Tun Razak Exchange yang bakal mengubah paksi hab kewa-

ngan serantau ke Kuala Lumpur.

Akhirnya, MyHSR, kereta api berkelajuan tinggi antara Kuala Lumpur dan Singapura akan memendekkan masa perjalanan dua destinasi itu kepada 90 minit. Ini tidak pernah berlaku.

Selain itu, projek Bandar Malaysia dibangunkan di bawah model kerjasama awam-swasta dengan anggaran nilai pembangunan kasar (GDV) RM150 bilion mempunyai potensi untuk menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi masa depan.

## Kuala Lumpur sebagai hab operasi serantau

Dari segi ekosistem penyampaian, Kuala Lumpur terus menjadi destinasi pilihan sebagai hab serantau pelabur asing. Syarikat multinasional asing terkemuka seperti Honeywell, Schlumberger, IBM, Oracle, China Railway Engineering Corporation dengan begitu yakin menjadikan Kuala Lumpur sebagai hab operasi serantau.

Ia petunjuk keyakinan terhadap ekosistem Kuala Lumpur dan secara tidak langsung membuka peluang 9,000 pekerjaan bernilai tinggi menggunakan sumber manusia tempatan yang akan diwujudkan.

# Untung Bursa Malaysia menokok kepada RM116.2 juta

[ FOTO KHAIRULL AZRY BIDIN/BH ]

**Bursa** Malaysia Bhd mencatatkan keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti (PATAMI) RM116.2 juta bagi separuh pertama berakhir 30 Jun 2017, meningkat 16.9 peratus berbanding RM99.4 juta pada tempoh sama sebelumnya.

Ia diraih daripada pendapatan operasi yang meningkat 8.5 peratus kepada RM269.4 juta daripada RM248.4 juta pada tempoh sama sebelumnya.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Seri Tajuddin Atan, berkata ia adalah pendapatan operasi separuh tahun terbaik institusi itu sejak disenaraikan pada 2005.

Katanya, prestasi kukuh Bursa Malaysia pada separuh pertama tahun ini dipacu oleh peningkatan aktiviti dagangan di semua segmen.

"Kami lihat terdapat minat baharu, terutama daripada dana asing yang saya tekankan, terus kembali ke pasaran modal Malaysia sejak bermula tahun ini," katanya pada taklimat media mengumumkan prestasi kewa-

ngan setengah tahun Bursa Malaysia di Kuala Lumpur, semalam.

Tajuddin berkata, untuk tempoh kajian nilai Purata Dagangan Harian (ADV) bagi Dagangan Di Pasaran (OMT) naik 30.8 peratus kepada RM2.5 bilion, berbanding RM1.91 bilion tempoh sama sebelumnya.

## Pasaran modal Islam menokok

"Separuh pertama tahun ini menyaksikan lapan tawaran awam permulaan (IPO) meningkat dengan jumlah keseluruhan bernilai RM3.5 bilion berbanding lima penyenaian pada tempoh sama tahun lalu.

"Manakala, Kontrak Purata Harian (ADC) bagi pasaran derivatif berkembang 0.1 peratus untuk mencecah 59,818 kontrak, dipacu peningkatan dagangan kontrak hadapan minyak sawit mentah (FCPO) sebanyak 6.0 peratus, sekali gus membantu mengimbangi urusan niaga KLCI yang lebih rendah," katanya.

Menyentuh pasaran modal Islam, Tajuddin berkata, dagangan

yang kukuh oleh peserta asing membantu merekodkan prestasi memberangsangkan apabila meraih pertumbuhan 6.5 peratus dalam ADV bagi pasaran modal Islam Bursa Suq Al-Sila (BSAS) yang mencecah nilai RM18.1 bilion.

## Optimis kekal prestasi

Katanya, berdasarkan prestasi sukuan, Bursa Malaysia mencatat PATAMI RM59.5 juta, naik 20.3 peratus pada suku kewangan kedua berakhir 30 Jun 2017, manakala pendapatan operasi menyaksikan peningkatan 10.3 peratus kepada RM134.8 bilion berbanding RM129.718 juta pada suku sama sebelumnya.

Mengenai tinjauan prestasi pasaran bagi separuh kedua 2017, Bursa Malaysia katanya, optimis kekal merekodkan prestasi kukuh dipacu data positif, terutama daripada pasaran derivatif dan sekuriti.

Tajuddin meramalkan semakan pertumbuhan itu bagi menggalakkan lebih banyak aliran masuk dana asing ke Malaysia yang pada ketika ini berjumlah RM11.2 bilion.



**Tajuddin dan Ketua Pegawai Operasi Bursa Malaysia, Rosidah Baharom** pada taklimat media mengumumkan prestasi kewangan setengah tahun Bursa Malaysia di Kuala Lumpur, semalam.